



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Rujukan kami : P.T.16017-10/12 (6)
Tarikh : 26 November 2018

Semua Ketua Sektor,
Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Semua Pengetua dan Guru Besar,
Negeri Terengganu

Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PENILAIAN PRESTASI BAGI TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, pihak jabatan sedang melaksanakan urusan pelaksanaan penilaian prestasi tahun 2018 . Bagi tujuan melicinkan urusan tersebut, berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan tindakan tuan :-

- 2.1 Menyemak dan mengemaskini bilangan pegawai yang terlibat dengan penilaian prestasi bagi tahun 2018 (cukup tempoh 6 bulan penilaian) melalui sistem S'Padu yang boleh dicapai melalui <http://jpnterengganu.moe.gov.my/apps/spadu> mulai **09 Disember hingga 13 Disember 2018**.
- 2.2 Membuat cadangan pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Boleh dibuat mulai **16 Disember hingga 20 Disember 2018** mengikut kuota yang ditetapkan (walaupun tanpa markah prestasi)
- 2.3 Menghantar justifikasi lengkap (termasuk perincian bilangan hari tidak hadir) bagi pegawai yang **tidak layak** dinilai (**berkhidmat kurang dari 180 hari atau kurang enam (6) bulan dalam tempoh satu (1) tahun kalendar**) kepada pihak jabatan untuk perhatian Unit HRMIS dan Salinan kepada Unit Naik Pangkat dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing.
 - 2.3.1 Tidak cukup **180 hari** dan tidak layak mendapat pergerakan gaji, contohnya pegawai yang tidak hadir bertugas tanpa kebenaran Ketua Jabatan ;
 - 2.3.2 Tidak cukup **180 hari** tetapi mendapat pergerakan gaji secara isyarat seperti berikut :
 - a) Pegawai yang bercuti sakit bergaji penuh, separuh gaji dan tanpa gaji termasuk Cuti Kusta, Barah atau Tibi ;

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)



- b) Pegawai yang diluluskan cuti tanpa gaji seperti Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan, Cuti Tanpa Gaji atas alasan persendirian atau Cuti Tanpa Gaji Menjaga Anak ;
- c) Pegawai yang diluluskan cuti belajar sama ada Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji.

2.3.3 Guru baru yang belum cukup 180 hari melapor diri ke sekolah.

2.4 Bagi Penilaian Prestasi 95% dan ke atas , mestilah disertakan dengan **Borang Justifikasi (Lampiran D)** sebagaimana yang dilampirkan. Borang berkenaan perlu dihantar ke PPD masing-masing sebelum atau pada **20 Disember 2018**.

3. Sebarang pertanyaan boleh hubungi En.Wan Ahmad Tajuddin Bin Kamal, Pegawai Eksekutif Tinggi atau En.Mohd Saidi B.Hj. Abu Bakar di talian 09-6213212 / 6213246. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

“Memperkasakan Transformasi Pendidikan ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAMAD FADZIL BIN HAJI ALI)
Ketua Sektor
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p.Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.: 1. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
2. Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

**BORANG JUSTIFIKASI
PEMBERIAN MARKAH PRESTASI 95% DAN KE ATAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nama Pegawai Penilai : _____

Nama PYD : _____

Markah Prestasi PYD : _____

Justifikasi :

Nota :

1. *Sila gunakan helaian tambahan sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi.*
2. *Borang ini hendaklah dikepilkan bersama dengan Borang LNPT PYD.*

Tandatangan Pegawai Penilai : _____

Tarikh : _____